

# BUKTIKAN MELAYU BUKAN PONDAN

18. MAC 1982

KETIKA Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad melawat dan merasmikan Kem Latihan KOBENA di Skudai, Sabtu lalu, beliau telah meninggalkan pesan yang amat penting untuk jenarasi sekarang dan akan datang.

Beliau menggesa bangsa Melayu supaya membuktikan kemampuan mereka sebagai satu bangsa yang rajin.

Bertepatan pula, gesaan Perdana Menteri itu dibuat pada waktu Kerajaan sedang membina sebuah institusi pengajian tinggi yang penting di negara ini—Universiti Teknologi Malaysia.

Universiti ini, tidak saja penting di Johor malah mempunyai tanggungjawab yang amat besar dalam membangunkan masa depan bangsa dan negara. Kesungguhan Kerajaan untuk melihat universiti itu segera terbina, jelas dari peruntukan yang besar diberikan, iaitu \$500 juta.

Perdana Menteri menggesa bangsa Melayu membuktikan kemampuan membina universiti itu.

"Kejayaannya adalah kejayaan bangsa Melayu dan begitu juga kegagalannya. Dan, jika gagal, bangsa Melayu boleh menisfatkan diri mereka sebagai pondan," katanya.

Adalah sesuatu yang agak aneh bunyinya jika ada pihak yang mensalahtafsirkan niat dan seruan Perdana Menteri itu. Sesungguhnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir telah menyuarakan rintihan nurani bangsa Melayu itu sendiri.

Berkurun-kurun bangsa Melayu dicap sebagai satu bangsa yang malas. Encyclopedia Britannica misalnya, hingga kini masih lagi menyalin bulat-bulat pendapat dan buah fikiran penjajah bahawa bangsa Melayu adalah satu bangsa yang pemalas.

Bukan saja usaha untuk menidakkan tohmah itu tidak dihiraukan malah ia terus diperkembangkan secara lebih tajam dan halus lagi.

Prof. Syed Hussein Al-Atas dalam salah sebuah bukunya, 'Lazy Native' telah menyelar pandangan itu dan menisfatkannya sebagai karangan yang bersifat pseudo. Tetapi teguran Prof Syed Hussein itu tidak meninggalkan kesan yang mendalam.

## Merombak tabiat

Kerana itulah, apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed sendiri yang mengajak bangsa Melayu merombak tabiat tersebut, ia diterima sebagai sesuatu yang amat penting dalam persejarahan bangsa Melayu.

Lebih penting lagi, pengumuman itu dilakukan di Johor, negeri yang pernah memula dan memercikkan kebangkitan semangat Melayu dan merdeka. Di Johor inilah juga bermulanya pergerakan UMNO dan di negeri inilah juga lahirnya tokoh-tokoh perjuangannya bangsa Melayu.

lain-lain.

Johor akan lebih bertuah kerana seruan itu ada hubungannya dengan perkembangan dan pertumbuhan sosio ekonomi serta perkembangan pelajaran dan industerinya.

Tentulah seramai 253 orang pelatih Kem KOBENA yang mendengar ucapan itu merasakan diri mereka amat penting. Perdana Menteri sendiri telah menekankan bahawa di tangan merekalah terletak jaya atau gagalnya projek Universiti Teknologi itu.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan dengan penuh yakin dan harapan memberikan tanggungjawab membina kampus berharga \$500 juta itu kepada bangsa Melayu menerusi Koperatif Belia Nasional atau KOBENA.

"Tujuannya, supaya mereka membuktikan kepada negara dan dunia, bangsa Melayu juga berkebolehan mengendalikan sebarang kerja dengan jayanya jika diberi peluang," katanya.

Dan tentulah, Datuk Seri Dr Mahathir telah membuat perhitungannya yang mendalam. Ini jelas apabila beliau menegaskan bahawa Kerajaan mahu projek ini berjaya dalam masa enam tahun mulai sekarang.

kepada pelatih-pelatih itu sendiri, Dr Mahathir menegaskan: "Di bahu saudaralah terletak tanggungjawab besar kerajaan kejayaan projek ini bukan akan menjadi kejayaan saudara seorang tetapi kejayaan bangsa Melayu keseluruhannya dan kegagalannya adalah juga kegagalan bangsa Melayu."

Dengan suara yang lembut tetapi tegas, Perdana Menteri berharap, pelatih-pelatih berkenaan tidak akan mengecewakan bangsanya sendiri dan Kerajaan pula ingin melihat hasil tangan bangsa menerusi bangunan universiti itu.

## Menyingsing lengan

Sesuai dengan hasrat itu jugalah Datuk Seri Dr Mahathir menggesa setiap tenaga bangsa Melayu yang terlibat dalam projek itu jangan malas menyingsing lengan. Sebaliknya mestilah tekun berkerja untuk mempastikan projek itu siap menurut jadual.

"Anggaplah projek ini sebagai ujian yang besar yang mesti diharungi dengan rajin dan tekun kerana kejayaannya perlu untuk membolehkan kita menempah cabaran yang lain," tegasnya.

Harapan yang demikian tidak saja mempunyai ciri-ciri psikologi, malah mempunyai dorongan yang lebih halus. Pembinaan sebuah universiti seperti Universiti Teknologi itu bukanlah satu kerja yang ringan. Tetapi, bangsa Melayu diminta membuktikan kemampuan mereka.

Kerajaan kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir lagi, boleh memberi tender membina universiti itu kepada kaum lain yang sememangnya pakar dalam bidang binaan.

Tetapi, ini tidak dilakukan kerana hasrat Kerajaan untuk melihat bangsa Melayu maju